

|             |                                    |             |                     |
|-------------|------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline    | Langsai pinjaman mangsa Lahad Datu |             |                     |
| MediaTitle  | Harian Metro                       |             |                     |
| Date        | 30 Apr 2013                        | Language    | Malay               |
| Circulation | 324,097                            | Readership  | 1,981,000           |
| Section     | Setempat                           | Color       | Full Color          |
| Page No     | 50                                 | ArticleSize | 141 cm <sup>2</sup> |
| AdValue     | RM 5,207                           | PR Value    | RM 15,622           |



# Langsai pinjaman mangsa Lahad Datu

**Kanggar:** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membuat keputusan melangsakan pinjaman pelajaran berjumlah RM16,250 milik Allahyarham Asisten Superintendant Zulkifli Mamat yang terkorban ketika tragedi pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah pada awal Mac lalu.

Allahyarham sebelum ini mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengurus Besar Kanan PTPTN Tuan Din Tuan Mat berkata, pinjaman pembia-yaan PTPTN dilindungi takaful dan pewaris peminjam yang meninggal dunia tidak perlu membuat bayaran balik.

"PTPTN menyediakan Skim Perlindungan Takaful berbentuk perniagaan atau pembiayaan dengan perlindungan takaful berkelom pok bertujuan melindungi peminjam andai berlaku kematiatan atau keilatan kekal."

"Pinjaman atau pembia-yaan pendidikan yang diterima si mati tidak perlu membuat bayaran balik, malah pewaris layak menerima wang khairat kematian berjumlah RM1,500 yang diperkenalkan sejak 2012," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahterahkan wang khairat kematian kepada bala Zulkifli, Noor Aziah Noor, di sini, kelmarin.

|             |                                    |             |                     |
|-------------|------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline    | Langsai pinjaman mangsa Lahad Datu |             |                     |
| MediaTitle  | Harian Metro                       |             |                     |
| Date        | 30 Apr 2013                        | Language    | Malay               |
| Circulation | 324,097                            | Readership  | 1,981,000           |
| Section     | Setempat                           | Color       | Full Color          |
| Page No     | 50                                 | ArticleSize | 141 cm <sup>2</sup> |
| AdValue     | RM 5,207                           | PR Value    | RM 15,622           |



TUAN Din menyampaikan sumbangan khairat kepada Noor Aziah pada Majlis Penyerahan Khairat Kematian PTPTN.